



DR. MAHATHIR Mohamad melawat gerai sate pada majlis Hari Raya Aidilfitri anjuran SAHOCA di perkarangan Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam.

um- 11/12/2004: 2

Dr. Mahathir, Siti Hasmah bertemu bekas penuntut MSAH

PUTRAJAYA 10 Dis. — Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hari ini mengadakan perjumpaan dengan bekas penuntut Maktab Sultan Abdul Hamid (MSAH) pada majlis Hari Raya Aidilfitri di perkarangan Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Dr. Mahathir selaku Presiden Persatuan Bekas Pelajar-Pelajar Maktab Sultan Abdul Hamid (SAHOCA) mengambil kesempatan bertanya khabar dengan rakan sepersekolahannya dan beramah-mesra dengan junior-nya serta kaum keluarga bekas pelajar yang turut hadir.

Pengerusi SAHOCA Kuala Lumpur dan Selangor, Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Shahabudin melahirkan rasa gembira kerana Dr. Mahathir dan isteri sentiasa bersedia memberi sokongan terhadap persatuan tersebut yang kini berusia 30 tahun.

Pelbagai juadah enak disediakan pada majlis anjuran SAHOCA itu yang turut dihadiri antaranya bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Dzaidin Abdullah dan wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, Tan Sri Razali Ismail.